

26/07/1999

BBC siar laporan negatif ditegur

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, mengambil kesempatan menegur stesen televisyen British Broadcasting Corporation (BBC) berhubung laporannya mengenai demonstrasi oleh penyokong reformasi di Kuala Lumpur baru-baru ini, ketika berdialog dengan wakil media di sini hari ini.

Beliau membuat teguran terhadap Pengarang Urusan BBC World Service bagi wilayah Asia Tenggara dan Asia Pasifik, Chris Greene, yang turut menjadi panel sesi dialog wakil media dengan ketua kerajaan yang menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 1999.

"Kepada BBC, saya minta supaya membuat laporan yang lebih tepat. Janganlah jika kejadian rusuhan hanya berlaku satu jam, laporannya disiarkan 24 jam sehari seolah-olah ia berlaku begitu lama.

"Ada laporan sebuah stesen televisyen lain yang menyiarkan mereka yang mendemonstrasi membawa bendera Indonesia dan memberikan gambaran tidak tepat," katanya.

Sesi itu disertai oleh tujuh wakil media asing dan lima wakil media tempatan. Dalam dialog berkenaan mereka menjawab pelbagai soalan daripada ketua kerajaan dan wakil negara yang menyertai LID 99.

Antara yang mendapat perhatian dalam sesi berkenaan ialah kebebasan media dan sikap berkecuali wartawan.

(END)